

**ANALISIS PRAGMATIK KECENDERUNGAN PELAPORAN  
AKHBAR BERBAHASA MELAYU DI MALAYSIA  
BERDASARKAN ELEMEN BAHASA**

*(A PRAGMATIC ANALYSIS OF THE REPORTING TRENDS  
IN MALAY LANGUAGE NEWSPAPERS BASED ON THE ELEMENTS OF LANGUAGE)*

**Hasmidar Hassan**

hasmidar@usm.my

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,  
Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia

**Nurerma Aida Abdul Rahman**

ermaerda95@gmail.com

Shukri-Poh Leng & Associates,  
Perak, Malaysia

**Norsofiah Abu Bakar**

abnorsofiah@usm.my

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,  
Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia

Received: 17th February 2022; Accepted: 20th April 2022; Published: 29th October 2022

***Abstract***

*Newspapers are one of the main channels that feature a variety of news and information to the public. For the longest time, newspapers have played a significant role in conveying information to readers and can change public perception and views on particular issues and news. In the context of newspapers in Malaysia, mainstream newspapers not only report local and foreign news but also the voice of the government when conveying messages and policies to the people. However, in the process of reporting current news, especially those involving politics and national leadership issues, each newspaper's reporting style can be analysed based on the language elements used. This factor may not be obvious to the general reader, but if examined through linguistics, especially the field of pragmatics, such tendencies can be proven appropriately. Therefore, this study aimed to prove that the language elements used in news reports can be analysed to show the slant of a newspaper towards an issue. For this purpose, this study utilises the relevance theory envisaged by Sperber & Wilson (1995) to describe the manner in which each linguistic input on a semantic level can be interpreted to explain the true meaning of what is being announced by Malay dailies.*

***Keywords:*** newspapers, tendency, pragmatic, implicit meaning, Relevance Theory

## **Abstrak**

Akhbar ialah salah satu saluran utama yang menyampaikan pelbagai berita dan maklumat kepada masyarakat. Sejak sekian lama, akhbar terbukti mempunyai peranan yang besar untuk menyampaikan maklumat kepada pembaca di seluruh pelosok negara dan mampu mengubah persepsi dan pandangan masyarakat terhadap sesuatu isu dan berita. Dalam konteks akhbar di Malaysia, akhbar arus perdana bukan sahaja melaporkan pelbagai berita di dalam dan luar negara malahan turut menjadi suara kerajaan dalam menyampaikan amanat, dasar dan polisi negara kepada rakyat amnya. Namun, dalam proses melaporkan berita semasa, khususnya berita yang melibatkan politik dan kepimpinan negara, kecenderungan pelaporan setiap akhbar terhadap isu yang dilaporkan dapat dilihat berdasarkan penggunaan elemen bahasa. Jika penggunaan bahasa ini dikaji dan diselidiki berdasarkan pendekatan dan teori yang tertentu, kecenderungan ini dapat dibuktikan dengan berpada. Oleh itu, kajian ini diketengahkan bagi membuktikan bahawa elemen bahasa yang digunakan dalam tajuk berita dapat dianalisis bagi memperlihatkan kecenderungan akhbar terhadap isu yang dilaporkan tersebut. Untuk tujuan ini, kajian ini memanfaatkan Teori Relevans yang digagaskan oleh Sperber & Wilson (1995), khususnya idea makna prosedur bagi menghuraikan cara mana setiap input linguistik pada peringkat semantik dapat diinterpretasikan bagi menjelaskan maksud sebenar yang mahu disampaikan oleh laporan akhbar tersebut.

**Kata Kunci:** akhbar, kecenderungan pelaporan, pragmatik, makna implisit, Teori Relevans

## **Pengenalan**

Sejak sebelum Perang Dunia Kedua, akhbar berbahasa Melayu telah memainkan peranan yang penting terhadap pembangunan negara. Ketika itu, akhbar-akhbar berbahasa Melayu berperanan sebagai saluran terbaik dalam menyampaikan dan menyebarkan cita-cita dan aspirasi bangsa. Sehingga hari ini, akhbar di Malaysia ternyata masih memainkan peranan yang sama, iaitu sebagai penyebar maklumat, cuma peranannya kini kian berubah, lebih besar dan pelbagai.

Pada zaman ini, akhbar bukan sahaja menyampaikan berita dan maklumat kepada masyarakat malahan membantu masyarakat menyesuaikan diri dengan perubahan dan membimbing masyarakat ke arah kemajuan dan pembaikan. Dalam hal ini, wartawan atau editorlah yang memainkan peranan yang penting untuk membentuk pemikiran, pendapat, dan persepsi sama ada yang baik atau yang buruk terhadap sesuatu isu. Menurut Chamil (2008), berita akhbar harus berasaskan fakta (bukan rekaan atau dongengan), baharu dan harus menarik minat khalayak untuk membaca. Laporan berita yang disiarkan mestilah bersifat positif, membina dan tidak berat sebelah untuk mengelakkan berlakunya sebarang kemusykilan dalam kalangan rakyat.

Sebagai sebuah negara yang terdiri daripada masyarakat majmuk, masyarakat Malaysia sentiasa mengharapkan akhbar menjadi satu saluran untuk mewujudkan keyakinan rakyat terhadap apa juga dasar pembangunan negara yang bermatlamatkan faedah rakyat seluruhnya. Akhbar juga harus berperanan sebagai “pembina” yang mampu membentuk fikiran rakyat dan pemimpin ke arah pembentukan moral yang baik kerana pembangunan sesuatu bangsa dan negara itu, harus bermula dengan pembinaan dan pembentukan minda rakyat dan pemimpin yang lebih objektif dan barulah disusuli oleh pembangunan fizikal yang

lain. Oleh itu, akhbar hari ini harus mengenal pasti cara mana untuk berfungsi dengan lebih berkesan dalam persekitaran yang baharu untuk menyampaikan berita kepada pembaca. Selain menyampaikan berita dan maklumat kepada pembaca, akhbar juga menjadi medium utama bagi menyampaikan maklumat politik kepada orang ramai. Peranan politik yang didukung oleh akhbar ini termasuklah melaporkan pandangan popular pihak berkuasa; memaklumi masyarakat tentang keputusan dan tindakan kerajaan dan bertindak sebagai ‘pelindung’ kepentingan rakyat, termasuklah membela hak orang awam melalui pendedahan isu dan berita untuk tatapan pihak berkuasa dan orang ramai. Dalam hal ini, para wartawan akhbar perlu bertindak dengan matlamat dan kefahaman yang positif untuk membina bangsa berdasarkan kebijaksanaan tempatan, dan berjiwa merdeka. Wartawan tidak boleh menjadi pengadu domba yang memesongkan fakta sehingga boleh memecahbelahkan perpaduan rakyat Malaysia.

### **Bahasa sebagai Wahana Penyampaian Maklumat oleh Akhbar**

Sejak dahulu hingga kini, peranan akhbar seperti yang tersebut di atas dapat direalisasikan dengan menggunakan satu wahana, iaitu bahasa. Bahasa merupakan wahana bagi akhbar menyampaikan segala maklumat dan berita kepada pembaca dan bahasalah yang menentukan impak berita dan maklumat yang disampaikan kepada pembaca. Peranan bahasa sebagai wahana yang memberikan kesan kepada pembaca turut dijelaskan oleh Fowler (1991) seperti berikut:

*“Language is a powerfully committing medium to work in. It does not allow us to “say something” without conveying an attitude to that something. When we speak or write, the words and sentences we choose resonate for our hearers and readers, emitting potential significances which are only partly under our control.”*

Oleh sebab bahasa ialah wahana utama dalam menyampaikan maklumat kepada pembaca, maka akhbar harus berhati-hati menggunakan bahasa. Pemilihan dan penggunaan kata yang sesuai dalam menyampaikan mesej dan maklumat amat penting kerana setiap kata mempunyai peranan dan nilai semantik yang berbeza dalam sesuatu ayat. Dengan kata lain, bahasa yang digunakan akhbar harus berupaya memandu pembaca mencapai interpretasi yang betul dan mencapai pengertian yang sama.

Dalam hal ini, Tannenbaum (1992) berpendapat bahawa keseluruhan mesej yang disampaikan melalui bahasa ini sebagai suatu rangsangan dalam situasi komunikasi yang boleh mempengaruhi interpretasi pembaca dan mampu mengajak pembaca membuat tindak balas terhadap rangsangan itu tadi. Pendapat Tannenbaum ini ternyata menyamai pendapat ahli pragmatik khususnya pendukung Teori Relevans. Menurut Teori Relevans, mesej atau maklumat yang disampaikan melalui bahasa ini merupakan rangsangan yang secara automatiknya mewujudkan jangkaan yang dapat memandu pembaca memahami makna yang disampaikan oleh pihak akhbar (mengikut konteks perbincangan ini). Oleh itu, berkesan atau tidaknya sesuatu komunikasi akhbar itu bergantung pada bahasa yang digunakan dan setiap yang dikomunikasikan itu memberikan impak pada pembaca.

### **Sorotan Kajian**

Kajian tentang pelaporan akhbar sebelum ini banyak dikaji daripada perspektif komunikasi dan penulisan kewartawanan. Kajian oleh Shahrul Nazmi Sannusi (2016) misalnya,

menggunakan Teori Penentuan Agenda yang dikemukakan oleh Walter Lippman (1965) bagi meneliti strategi editorial dalam akhbar berbahasa Melayu dan Cina dalam mengenal pasti jenis isu untuk dibincangkan dalam ruangan berita. Teori ini memberikan fokus pada isu keutamaan yang dibincangkan oleh pihak media atau penentuan agenda media, agenda media yang mempengaruhi pemikiran masyarakat, dan agenda umum yang mempengaruhi pemikiran pembuat dasar atau agenda polisi. Kajian ini menunjukkan bahawa akhbar *Berita Harian* lebih banyak memaparkan isu nasional, manakala *China Press* lebih banyak menumpukan isu berkenaan dengan masyarakat Cina. Kedua-dua akhbar bahasa Melayu dan Cina ini didapati berfungsi mengikut agenda yang telah ditentukan dan bagaimana penerimaan khalayak mereka terhadap setiap berita yang dipersembahkan.

Kajian oleh Mohd Zuwairi Mat Saad et al., (2016a) pula meneliti corak penulisan wartawan dari segi penyampaian maklumat terutamanya dalam berita pilihan raya kecil. Dengan menerapkan konsep Patterson (2000), kajian ini menganalisis data akhbar *Utusan Malaysia* dan *Berita Harian* yang dikutip pada tahun 1987, 1997, dan 2014 dan membuktikan bahawa terdapat perubahan corak penulisan daripada deskriptif kepada gabungan dan tidak kepada interpretif. Wartawan mula menerima corak penulisan interpretif sebagai salah satu corak penulisan dengan memberikan analisis, gambaran dan makna di sebalik fakta.

Dengan menggunakan pendekatan analisis wacana kritis yang diubahsuai, Sharifah Nurul Huda Alkaff, James McLellan & Najib Noorashid (2018) cuba membuktikan sejauh manakah perbezaan bahasa dan budaya mempengaruhi cara penulisan. Mereka cuba menilai tahap perbezaan antara teks berita Melayu dan teks berita Inggeris yang melaporkan peristiwa yang sama, selain meninjau tahap keselarasan terjemahan kedua-duanya. Kajian ini menunjukkan bahawa, walaupun ada persamaan dari segi struktur dan pembentukan laporan berita terkini dalam kedua-dua akhbar, namun terdapat beberapa perbezaan dari aspek perincian dalam penulisan dan tahap pembabitan penulis dalam melaporkan berita jenayah dan kemalangan seperti yang diperakui oleh wartawan dan penyunting NST dan Y.

Vilashini Somiah et al. (2010) pula mengkaji kecenderungan akhbar tempatan yang menggunakan sumber agensi berita antarabangsa untuk mendapatkan berita tentang Indonesia yang disiarkan sepanjang bulan Julai 2009. Kajian ini juga meneliti berita yang berkaitan dengan Indonesia dalam kedua-dua akhbar arus perdana berbahasa Melayu ini atas faktor geopolitik serta kehampiran budaya (*Cultural Proximity*). Pengkaji mendapati bahawa sebanyak 56 berita yang terkandung dalam *Utusan Malaysia* melibatkan tujuh kategori isu, iaitu isu jenayah, isu pilihan raya Indonesia dan isu pembantu rumah Indonesia, manakala akhbar *Berita Harian* hanya memaparkan 26 berita Indonesia yang merangkumi isu politik, jenayah, sosial dan kesihatan dan tiada sebarang maklumat tentang keadaan ekonomi Indonesia.

Seterusnya, kajian oleh Mohd Zuwairi Mat Saad et al., (2016b) pula membincangkan kategori sumber yang popular yang digunakan dalam berita pilihan raya kecil pada tahun 1987, 1997, dan 2014 dalam akhbar *Utusan Malaysia* dan *Berita Harian*. Berdasarkan kaedah temubual dengan enam wartawan, kajian ini mendapati bahawa pemilihan kategori sumber mempunyai hubungan dengan bingkai berita pilihan raya. Organisasi politik juga memberikan pengaruh terhadap bingkai berita yang diberikan liputan oleh media, manakala ahli politik mempengaruhi kekerapan bingkai dalam laporan berita.

Kajian ini juga menunjukkan bahawa wartawan layak memilih sumber yang mempunyai autoriti dalam isu yang dibincangkan berdasarkan perjalanan aktiviti kempen sebelum pilihan raya berlangsung. Dapatan ini selari dengan kenyataan wartawan bahawa sumber dalam bingkai politik tertumpu pada kepimpinan utama dalam kerajaan semasa pilihan raya tidak kira pilihan raya kecil mahupun pilihan raya umum. Sumber merupakan satu perkara yang wajib dalam berita bagi memberikan nilai dan tahap kepercayaan khalayak terhadap maklumat yang dilaporkan oleh akhbar.

Satu kajian tentang laporan berita yang dianalisis berdasarkan Pendekatan Pragmatik dilakukan oleh Maslida Yusof et al., (2021). Kajian yang bertajuk ‘Pelaporan Isu Kelapa Sawit dalam Tajuk Akhbar dalam Talian: Analisis Pragmatik’ mengkaji jenis lakuan tutur yang digunakan sebagai tajuk berita dalam akhbar dalam talian yang dipilih dari tahun 2017 hingga 2020. Data yang diperoleh daripada tiga akhbar dalam talian, iaitu *Malaysiakini* (malaysiakini.com), *Berita Harian* (bharian.com.my) dan *Harian Metro* (hmetro.com.my), dianalisis dengan menggunakan Taksonomi Lakuan Tutur Searle (1979). Dapatan kajian menunjukkan bahawa penulis tajuk berita menggunakan empat jenis lakuan tutur, iaitu asertif, direktif, komisif dan ekspresif sebagai cara untuk melaksanakan maksud yang dikehendaki dan menyampaikan mesej kepada pembaca mengenai isu industri sawit Malaysia. Daripada empat jenis lakuan yang digunakan, lakuan asertif merupakan lakuan tutur yang paling kerap digunakan sebagai tajuk berita. Hal ini jelas memenuhi ciri asertif dalam pelaporan berita atau penyebaran maklumat mengenai minyak sawit kepada pembaca.

Sorotan yang dibuat menunjukkan bahawa kajian tentang pelaporan berita banyak diteliti dari perspektif komunikasi massa danewartawanan. Walaupun terdapat kajian yang mengkaji aspek kecenderungan pelaporan berita misalnya kajian oleh Mohd Zuwairi Mat Saad, Abdul Latiff Ahmad, Normah Mustaffa & Badrul Hassan (2016), namun kecenderungan ini dilihat dari segi kategori sumber bingkai berita sebagai satu elemen penting dalam memberikan nilai dan tahap kepercayaan khalayak terhadap maklumat yang dilaporkan. Bagaimanapun, kajian tentang pelaporan berita yang diteliti dari aspek bahasa dengan menggunakan Pendekatan Pragmatik belum banyak dilakukan oleh pengkaji di Malaysia, sedangkan bahasalah yang menjadi wadah utama akhbar dan semua bentuk media massa lain bagi menyampaikan berita kepada pembaca.

## **Metodologi**

Kajian ini memanfaatkan kaedah analisis teks, iaitu laporan akhbar yang diperoleh daripada dua akhbar tempatan berbahasa Melayu. Menurut Frey, L., Botan, C., & Kreps, G. (1999), analisis teks ialah kaedah penyelidikan yang mentafsir sesuatu mesej yang dirakamkan ataupun berbentuk visual. Tujuan analisis teks adalah untuk menerangkan kandungan, struktur dan fungsi mesej yang terkandung dalam teks. Analisis teks juga mementingkan pemilihan jenis teks, cara memperoleh teks yang sesuai dan menentukan pendekatan tertentu dalam menganalisis teks yang terlibat untuk menerangkan kandungan, struktur dan fungsi mesej yang terkandung dalam teks.

## **Data Kajian**

Kajian ini memanfaatkan laporan berita tentang isu 1MDB yang termuat dalam dua akhbar berbahasa Melayu dalam talian di Malaysia sebagai data kajian. Laporan akhbar tentang isu 1MDB yang dipilih adalah dalam tempoh 2016 hingga 2017, dan 2018 hingga 2019, iaitu sebelum dan ketika kerajaan Pakatan Harapan memegang pentadbiran Malaysia. Sebanyak 25 laporan berita yang terkumpul bagi dua tempoh tersebut. Namun untuk tujuan analisis dalam penulisan ini, hanya dua data diketengahkan. Kedua-dua data ini berita yang sama yang dilaporkan pada tarikh yang sama oleh kedua-dua akhbar ini.

## **Teori Relevans**

Kajian ini menerapkan Teori Relevans yang digagaskan Sperber & Wilson pada tahun 1986 dan diperkemas pada tahun 1995. Teori ini merupakan pendekatan terhadap komunikasi dan pemahaman ujaran yang didasari oleh pandangan umum tentang kognisi manusia. Teori ini juga menggagaskan bahawa makna ayat atau ujaran ialah wahana bagi menyampaikan maksud penutur. Maksud penutur ini ialah hajat yang disampaikan secara terang-terangan dan hajat ini dikatakan tercapai apabila maksudnya difahami. Bagi mencapai maksud penutur, pendengar haruslah dipandu oleh jangkaan bahawa tingkah laku komunikatif mestilah memenuhi suatu standard yang tertentu (Wilson, 2016).

Berdasarkan teori ini, pendengar akan berusaha untuk mencapai interpretasi yang relevans secara optimum dalam usaha memproses ujaran dan setiap interpretasi yang optimum mestilah mencapai kesan kognitif yang mencukupi dan tidak memerlukan pendengar berusaha lebih (dianggap sebagai kos memproses) untuk mencapai relevans yang optimum. Relevans yang optimum dicapai apabila pendengar memproses sebarang input (termasuklah maklumat bukan linguistik) bagi proses kognitif yang mungkin relevan pada seseorang individu pada suatu masa tertentu. Secara umum, sesuatu input dikatakan relevan secara maksimum pada seseorang individu apabila pemprosesan input ini dapat menghasilkan kesan kognitif yang tinggi apabila dikaitkan dengan maklumat latar belakang seseorang individu dalam konteks andaian yang ada (Sperber & Wilson, 2002).

Teori Relevans ini didasari oleh dua prinsip relevans yang utama, iaitu prinsip kognitif relevans dan prinsip komunikatif relevans. Prinsip kognitif Relevans, didasari oleh idea bahawa kognitif sejagat yang berorientasikan relevans penutur cenderung untuk memaksimumkan relevans dengan memilih ransangan atau input yang paling relevan dalam persekitarannya. Oleh sebab pendengar sentiasa bermatlamatkan relevans yang optimum, maka penutur harus menghasilkan ransangan atau input yang dapat menarik perhatian pendengar untuk menemukan andaian konteks yang tertentu dan mengarahkan pendengar untuk membuat kesimpulan yang dikehendaki.

Prinsip Relevans Komunikatif pula didasari oleh kenyataan bahawa "*Every act of ostensive communication communicates a presumption of its own optimal relevance*". Ertinya, setiap tingkah laku komunikasi yang jelas dan nyata menjamin pendengar mencapai 'relevans yang optimum'. Dengan kata lain, input atau ransangan yang ostensif (jelas dan menonjol) yang disampaikan dengan semudah mungkin oleh penutur membolehkan pendengar memahaminya dan mencapai kesan kognitif yang tinggi dengan usaha memproses yang sedikit (Sperber & Wilson, 1995).

## **Andaian bagi Relevans yang Optimum**

Bagi mencapai relevans yang optimum, pendengar dikatakan melakukan proses heuristik seperti berikut, iaitu (i) mencari usaha yang paling rendah (dianggap sebagai kos) untuk menginterpretasi ujaran (khususnya bagi memproses ujaran yang taksa dan ketaktentuan rujukan dan penyesuaian makna leksikal, memberikan andaian konteks dan memperoleh implikatur, dsbg) dan (ii) berhenti apabila relevans yang dijangkakan sudah dicapai dan memuaskan hati pendengar.

Matlamat proses ini untuk mengesahkan andaian relevans yang optimum. Oleh itu, pendengar mestilah memperkaya makna ayat yang dinyahkod pada tahap eksplisit dan melengkapkannya pada tahap implisit bagi mencapai kesan kognitif yang mencukupi sekali gus memenuhi jangkakan relevans. Kaedah heuristik pemahaman yang berpandukan relevans ialah prosedur automatik bagi mencapai matlamat ini. Kaedah ini dilihat sebagai modul pemahaman khusus dalam Teori Relevans ini, iaitu komponen bagi modul pemikiran minda yang lebih luas yang dihaskan untuk menghubungkan keadaan mental bagi menjelaskan dan menjangkakan tingkah laku.

Selain idea teras yang dibincangkan di atas, satu lagi idea yang diketengahkan oleh Teori Relevans ini makna prosedur yang menjadi petunjuk bagi proses inferens (Blakemore, 2002). Makna prosedur ini terpakai bagi bentuk-bentuk linguistik yang tidak mendukung makna konsep/rujukan khususnya kata hubung dan penanda wacana. Dengan kata lain, makna prosedur ini berfungsi untuk memandu proses inferens dengan mengekang pembinaan konteks dan/atau penghasilan kesan kognitif.

## **Analisis Data dan Perbincangan**

Bagi menjelaskan perihal kecenderungan laporan akhbar terhadap isu 1MDB dengan lebih lanjut berdasarkan Teori Relevans, maka dua data telah dipilih untuk dianalisis dalam bahagian ini. Satu data diketengahkan bagi setiap akhbar bagi tempoh sebelum Pakatan Harapan membentuk kerajaan Malaysia dan satu data lagi bagi setiap akhbar bagi tempoh ketika kerajaan Pakatan Harapan memerintah Malaysia.

Bagi menganalisis tajuk berita tentang isu 1MDB ini, bentuk linguistik yang dianalisis ialah frasa yang telah diisih dan diyakini mendukung makna tersirat, bersifat konotatif dan dapat ditafsir dengan lebih lanjut dibandingkan dengan frasa yang terdapat dalam ayat tersebut. Frasa-frasa yang jelas mendukung makna denotatif, khususnya frasa nama khas dan frasa nama am yang merujuk manusia, negara, tempat, dan institusi tidak dianalisis. Begitu juga golongan frasa lain yang didapati mendukung makna literal berdasarkan penggunaannya dalam ayat tersebut. Tajuk-tajuk laporan berita 1MDB yang dipilih bagi analisis ini seperti berikut:

Jadual 1: Tajuk Laporan Berita Isu 1MDB oleh Akhbar X dan Akhbar Y (2016 - 2017)

<b>Bil</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Akhbar X</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Akhbar Y</b>
1.	05/8/2017	Pakatan Harapan <u>manipulasi GST untuk tipu rakyat, raih undi</u>	05/8/2017	Laksana GST kerana 1MDB <u>tuduhan songsang – PM</u>

Jadual 2: Tajuk Laporan Berita Isu 1MDB oleh Akhbar X dan Akhbar Y (2018/2019)

Bil	Tarikh	Akhbar X	Tarikh	Akhbar Y
1.	20/10/2018	Parti politik diminta pulangkan dana dari 1MDB	20/10/2018	Kit Siang minta BN pulangkan dana 1MDB

**Analisis Tajuk Berita Akhbar Sebelum Pentadbiran PH (2016/2017)**

Tajuk Berita oleh Akhbar X	Tajuk Berita oleh Akhbar Y
Pakatan Harapan <u>manipulasi</u> GST untuk <u>tipu</u> rakyat, raih undi	Laksana GST kerana 1MDB <u>tuduhan songsang</u> – PM

Berdasarkan data di atas, frasa yang dianalisis dalam tajuk berita akhbar X ialah ‘manipulasi’ dan ‘tipu’, manakala frasa yang dianalisis dalam tajuk berita akhbar Y ialah ‘tuduhan songsang’. Frasa ini dipilih kerana frasa ini dipercayai bersifat menonjol dan menarik perhatian pembaca serta dapat ditafsirkan dengan lebih lanjut berdasarkan Pendekatan Pragmatik dibandingkan dengan kata-kata lain yang hadir dalam ayat tersebut. Walaupun kedua-dua berita ini sebenarnya menyampaikan berita yang sama, tetapi tajuk berita kedua-dua berita ini jelas berbeza.

Frasa ‘manipulasi’ dalam ‘Pakatan Harapan manipulasi GST untuk tipu rakyat, raih undi’ oleh akhbar X secara literalnya mendukung makna 1. Segala tindakan dan selok-belok utk memperdayakan orang atau mempengaruhi perlakuan (pendirian dll) orang lain tanpa disedari oleh orang itu; 2. Mengendalikan (menggunakan) sesuatu atau melakukan sesuatu secara bijaksana sehingga dapat mencapai sesuatu tujuan, 3. Sesuatu perbuatan curang atau kurang baik yang dilakukan untuk faedah sendiri (<http://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=manipulasi>). Berdasarkan definisi yang diberikan, maka frasa ‘manipulasi’ dalam ayat ‘Pakatan Harapan manipulasi GST untuk tipu rakyat, raih undi’ dapat diparafrasa sebagai ‘‘Pakatan Harapan bertindak memperdayakan rakyat tanpa disedari tentang GST untuk meraih undi’ atau ‘‘Pakatan Harapan melakukan sesuatu perbuatan kurang baik tentang GST untuk faedah sendiri dan meraih undi’.

Dari sudut Teori Relevans, frasa ‘manipulasi’ dalam tajuk akhbar ini sangat menonjol (ostensif) dan tentunya digunakan oleh akhbar X dengan tujuan untuk menarik perhatian pembaca terhadap suatu maksud seperti yang diuraikan di atas, iaitu Pakatan Harapan bertindak ‘memperdayakan orang’, ‘mempengaruhi perlakuan pembaca’, atau ‘perbuatan curang untuk faedah sendiri’ tentang isu GST dengan tujuan untuk meraih undi. Pemilihan kata ‘manipulasi’ oleh akhbar X ini ternyata dapat menjadi rangsangan yang eskplisit bagi membolehkan pembaca mencapai kesan kognitif yang mencukupi sekali gus memenuhi jangkaan relevans. Sifatnya sebagai bentuk yang ostensif cukup jelas kerana sekiranya penulis akhbar X menggantikan frasa ‘manipulasi’ tersebut dengan ‘menggunakan’, maka ayat yang terhasil adalah seperti berikut: ‘Pakatan Harapan guna GST untuk tipu rakyat, raih



undi'. Kesan ayat ini jelas sekali berbeza dan telah berubah daripada ayat asal. Hal ini demikian kerana bentuk logiknya, iaitu frasa 'manipulasi' digunakan oleh penulis ini untuk menarik perhatian pembaca agar memahami tujuan yang ingin disampaikan oleh penulis. Hal ini juga bertepatan dengan prinsip Komunikatif Relevans yang mengagakkan bahawa setiap tingkah laku komunikasi yang jelas dan nyata menjamin pendengar mencapai 'relevans yang optimum'.

Akhbar X juga didapati telah menggunakan frasa 'tipu rakyat' dalam tajuknya 'Pakatan Harapan manipulasi GST untuk tipu rakyat, raih undi'. Secara literal, tipu bermaksud perbuatan curang atau kata-kata dusta utk menyesatkan orang, kecoh, muslihat; mengenakan tipu, memperdaya, mengecoh: 2. perkara (kejadian) menipu: (<https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=tipu>). Justeru, ayat ini dapat ditulis semula sebagai 'Pakatan Harapan melakukan perbuatan curang/muslihat/memperdaya/ perkara (kejadian) yang menipu' rakyat hal GST untuk meraih undi.

Dari sudut Teori Relevans, penulis akhbar X menggunakan kata 'manipulasi' dan 'tipu' sebagai klu atau petunjuk untuk menyampaikan suatu maksud. Darjah kerelevanan yang tinggi dapat dicapai melalui penggunaan kata 'manipulasi' dan 'tipu' dibandingkan dengan kata yang tersenarai sebagai definisinya dalam kamus. Penggunaan kata ini dipercayai dapat mengarahkan pembaca terhadap maksud yang ingin disampaikan oleh akhbar X dan dari sudut Teori Relevans, kesan kognitif yang tinggi dapat dicapai kerana penulis telah bertindak memberikan rangsangan yang ostensif (Blackmore, 2000).

Bagi menyampaikan berita yang sama, tajuk berita akhbar Y pula didapati menggunakan ayat seperti berikut: 'Laksana GST kerana 1MDB tuduhan songsang-PM'. Berdasarkan kamus, makna literal 'tuduhan' ialah hasil menuduh, hal yang dituduhkan, dakwaan: fitnah (<http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=tuduhan>) manakala kata 'songsang' membawa maksud 1. terbalik letaknya atau duduknya (yang di atas menjadi di bawah, yang di depan menjadi di belakang, dsb), terbalik keadaannya dsb (yang sepatutnya didahulukan dikemudiankan dsb) (<http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=songsang>). Akhbar Y menggunakan frasa 'tuduhan songsang' yang mengimplikasikan maksud dakwaan tersebut adalah tidak betul atau salah. Dalam hal ini, penggunaan frasa 'tuduhan songsang' yang digunakan dalam ayat ini merupakan rangsangan yang ostensif yang dapat menarik perhatian pembaca dan mengarahkan pembaca agar memahami ayat ini seperti yang dihajati oleh penulis akhbar, iaitu 'Laksana GST kerana 1MDB ialah tuduhan songsang- PM' .

Walaupun kedua-dua akhbar X dan akhbar Y ini melaporkan berita yang sama, namun pemilihan kata dan ayat bagi tajuk berita akhbar X dan akhbar Y adalah berbeza. Hal ini tentunya didorong oleh niat atau hajat penulis akhbar tersebut. Akhbar X misalnya menonjolkan frasa 'manipulasi' dan 'tipu rakyat' dan pemilihan ini ternyata dipengaruhi oleh kecenderungan dan pendirian penulis atau akhbar tersebut terhadap isu ini. Berdasarkan tajuk berita oleh akhbar X secara keseluruhannya, akhbar X menonjolkan frasa 'Pakatan Harapan' sebagai subjek atau fokus ayat dan predikat atau ceritanya diisi oleh frasa 'manipulasi GST untuk tipu rakyat, raih undi'. Tajuk berita akhbar X ini jelas berbeza dengan tajuk berita akhbar Y yang memetik kata-kata Perdana Menteri secara langsung, iaitu 'Laksana GST kerana 1MDB tuduhan songsang-PM'. Tajuk berita akhbar Y ini tidak menonjolkan subjek yang dijadikan fokus ayat dan pembaca juga tidak diberikan petunjuk tentang siapakah yang menuduh pelaksanaan GST berkaitan dengan 1MDB.

Berdasarkan Teori Relevans, pembaca dapat mencapai kesan kognitif yang tinggi berdasarkan tajuk-tajuk akhbar ini apabila pembaca diberikan rangsangan yang ostensif dan pembaca dapat memproses rangsangan ini dengan mudah apabila mereka dapat menghubungkan maklumat baru dengan andaian sedia ada. Laporan ini dapat diinterpretasi dengan mudah seperti yang dihayati kerana pembaca di Malaysia khususnya, berkongsi pengetahuan latar belakang yang sama dan sumber pengetahuan yang sama tentang isu ini.

### **Analisis dan Perbincangan Data Akhbar Ketika Pentadbiran Kerajaan PH**

Dalam bahagian ini, data yang dianalisis merupakan tajuk berita tentang isu 1MDB dalam akhbar X dan akhbar Y ketika kerajaan Pakatan Harapan mengambil alih pentadbiran negara Malaysia. Analisis tajuk berita oleh akhbar X dan akhbar Y adalah seperti berikut:

#### **Data 2**

<b>Akhbar X</b>	<b>Akhbar Y</b>
<u>Parti politik</u> diminta pulangkan dana dari 1MDB	Kit Siang minta <u>BN</u> pulangkan dana 1MDB

Berdasarkan data 2, Akhbar X didapati menggunakan tajuk 'Parti politik diminta pulangkan dana dari 1MDB' manakala akhbar Y menggunakan 'Kit Siang minta BN pulangkan dana 1MDB'. Tajuk ini dipilih kerana terdapat frasa yang berupa implikatur dan berpotensi mengimplikasikan makna tambahan kepada pembaca. Ayat 'Parti politik diminta pulangkan dana dari 1MDB' dalam akhbar X menunjukkan perbezaan yang nyata dibandingkan dengan tajuk berita akhbar Y yang tidak menggunakan frasa 'parti politik' sebaliknya menggunakan tajuk 'Kit Siang minta BN pulangkan dana 1MDB' untuk menyampaikan berita yang sama.

Tajuk berita akhbar X didapati telah mengelakkan penggunaan nama parti politik yang sepatutnya, iaitu 'Barisan Nasional' sebaliknya menggunakan frasa 'parti politik'. Frasa 'parti politik' yang digunakan ternyata sangat umum dan tidak jelas. Pemilihan frasa 'parti politik' ini bertujuan untuk mengarahkan pembaca agar memproses dan memahami ayat ini dengan cara yang dikehendaki penulis akhbar ini. Dengan kata lain, akhbar X tidak menggunakan bentuk linguistik yang jelas, yang dapat memberikan maklumat kepada pembaca tentang 'parti politik' yang dimaksudkan tersebut. Hal ini berbeza dengan akhbar Y yang menggunakan tajuk 'Kit Siang minta BN pulangkan dana 1MDB'. Pemilihan tajuk ini memperlihatkan bahawa penulis akhbar ini memberikan input yang sangat eksplisit tentang nama parti bagi menyampaikan berita yang sama kepada pembaca. Berdasarkan prinsip relevans Komunikatif, frasa 'BN' merupakan input yang ostensif yang membolehkan pembaca mencapai kesan kognitif yang tinggi kerana penulis diandaikan telah cuba menghasilkan rangsangan yang dapat menarik perhatian pembaca, membantu pembaca menemukan andaian konteks yang tertentu dan mengarahkan pembaca membuat kesimpulan yang dihayati penulis akhbar tersebut.

Analisis data berdasarkan Teori Relevans menunjukkan bahawa penggunaan bentuk linguistik yang terdapat dalam laporan akhbar X dan akhbar Y bukan hanya menyampaikan maklumat atau input tentang isu 1MDB kepada pembaca secara tersurat, malahan ayat dan frasa yang disampaikan secara tersurat itu sebenarnya turut mendukung makna yang tersirat yang perlu diinterpretasi dengan sebaik mungkin oleh pembaca bagi mencapai maksud yang dikehendaki penulis akhbar ini. Bagi membolehkan ayat dan maklumat ini difahami dengan mudah oleh pembaca, penulis akhbar ini haruslah memberikan klu/petunjuk (bentuk logik yang mendukung makna prosedur) yang jelas dan terang dan membolehkan pembaca memahami ayat /ujaran tersebut dengan mudah tanpa melibatkan kos memproses yang tinggi. Jika kos memproses adalah rendah maka pembaca dikatakan mencapai kesan kognitif yang tinggi dan sekali gus mencapai relevans yang optimum.

Secara relatifnya, tajuk akhbar X menggunakan subjek yang bersifat umum, iaitu 'Parti politik', manakala tajuk akhbar Y menjadikan subjeknya eksplisit, iaitu 'BN'. Menurut Teori Relevans, pemilihan frasa ini didorong oleh prinsip kognitif relevans dan prinsip komunikatif relevans, iaitu oleh sebab pendengar sentiasa bermatlamatkan relevans yang optimum, maka penutur harus menghasilkan ransangan atau input yang dapat menarik perhatian pendengar untuk menemukan andaian konteks yang tertentu dan mengarahkan pendengar untuk membuat kesimpulan yang dikehendaki. Dengan kata lain, setiap tingkah laku komunikasi yang jelas dan nyata (ostensif) akan menjamin pendengar mencapai kesan kognitif yang tinggi dengan usaha memproses yang sedikit sekali gus mencapai 'relevans yang optimum' (Sperber & Wilson, 1995).

Dari sudut Teori Relevans, penggunaan bentuk linguistik yang terdapat dalam laporan akhbar X dan akhbar Y didapati bukan hanya digunakan untuk menyampaikan maklumat tentang isu 1MDB secara tersurat kepada pembaca malahan ayat dan frasa yang disampaikan secara tersurat itu juga sebenarnya turut mendukung makna tersirat yang perlu diinterpretasi dengan sebaik mungkin oleh pembaca bagi mencapai maksud yang dikehendaki penulis akhbar ini. Bagi membolehkan ayat ini difahami selaras dengan kehendak penulis akhbar tersebut, maka penulis akhbar ini haruslah memberikan petunjuk yang jelas dan terang dan membolehkan pembaca memahami ayat tersebut tanpa melibatkan kos memproses yang tinggi bagi mencapai kesan kognitif yang tinggi.

Analisis yang dilakukan terhadap tajuk akhbar ini menunjukkan bahawa pelaporan akhbar X dan Y mempunyai cara penyampaian yang berbeza berdasarkan penggunaan frasa yang membentuk tajuk laporannya. Frasa ini telah dianalisis dengan menggunakan Teori Relevans yang didasari oleh prinsip Relevans Kognitif dan prinsip Relevans Komunikatif serta idea-idea seperti pengetahuan bersama tentang isu 1MDB dan makna prosedur. Berdasarkan analisis yang dilakukan, penggunaan frasa yang menjadi inti dalam pelaporan tajuk akhbar tersebut bukan sahaja menjadi klu ataupun maklumat prosedur untuk memudahkan pembaca menginterpretasikan maklumat yang disampaikan, malahan frasa ini juga memberikan implikasi dan menggambarkan kecenderungan nilai atau pandangan penulis terhadap isu tersebut. Penyampaian laporan akhbar yang berbeza-beza ini merupakan retorik yang bertujuan untuk menarik minat dan perhatian pembaca dan bentuk-bentuk linguistik yang digunakan ini ternyata mengimplikasikan maksud tertentu jika dianalisis dari sudut pragmatik. Penggunaan frasa yang didasari oleh kecenderungan atau tujuan tertentu oleh penulis akhbar mampu memberikan kesan dan menjadi ransangan yang ostensif kepada

pembaca. Setiap frasa yang digunakan boleh diinterpretasikan oleh pembaca kerana pengetahuan bersama tentang isu IMDB dapat membantu pembaca memproses bentuk-bentuk linguistik yang dikodkan ini bagi memahami maksud yang ingin disampaikan oleh penulis akhbar ini. Dengan adanya klu atau maklumat prosedur, frasa atau ayat yang menjadi satu perwakilan semantik dapat memandu pembaca untuk memahami maklumat yang disampaikan dan mencapai kesan kognitif yang optimum seperti yang diharapkan oleh penulis.

Berdasarkan analisis yang telah dijalankan, bentuk-bentuk linguistik yang digunakan dalam tajuk dan laporan akhbar ini bukanlah sewenang-wenangnya, tetapi digunakan dengan tujuan dan fungsi yang tertentu. Analisis yang dilakukan juga menunjukkan bahawa penggunaan bahasa oleh akhbar X dan Y dapat mempengaruhi pembaca dan secara tidak langsung penyampaian beritanya juga memperlihatkan kecenderungannya terhadap isu tersebut. Perkara yang jelas, pelaporan daripada kedua-dua akhbar memperlihatkan cara pelaporan yang berbeza tentang isu IMDB sebelum dan selepas PRU ke-14.

## **Kesimpulan**

Kesimpulannya, penulisan ini bertujuan untuk menjelaskan cara mana maklumat linguistik, iaitu bahasa yang digunakan dalam suatu laporan akhbar, khususnya tajuk-tajuk akhbar yang melibatkan kepimpinan negara, fenomena politik dan ahli politik yang berpengaruh serta kepentingan negara ini dapat dimanfaatkan dan dianalisis dengan menggunakan Pendekatan Pragmatik, iaitu Teori Relevans. Menurut teori ini, setiap penulis (dalam konteks penulisan akhbar ini) mestilah bermatlamatkan relevans yang optimum, iaitu ujarannya/maklumatnya difahami dengan mudah tanpa melibatkan kos memproses yang tinggi. Oleh itu, penulis ini haruslah dengan sebaik mungkin memberikan input atau rangsangan yang ostensif yang dapat memandu pembaca memahami ujaran tersebut dan mencapai relevans yang optimum. Dalam konteks tajuk akhbar X dan tajuk akhbar Y ini, bentuk-bentuk linguistik yang digunakan dalam tajuk akhbar ini merupakan bentuk-bentuk yang tersurat, namun mendukung makna tersirat yang perlu diinterpretasi dan difahami berdasarkan konteks ayat tersebut. Sebagai pembaca yang mempunyai maklumat latar belakang yang sama dan pengetahuan yang sama (*mutual knowledge*) tentang isu yang berkisar di negara Malaysia, maka maklumat yang ingin disampaikan tidaklah sukar untuk diproses dan difahami.

Fakta penting yang ingin diketengahkan dalam konteks penulisan ini penerapan Teori Relevans yang diketengahkan oleh Sperber & Wilson (1995) dapat membuktikan bahawa bentuk-bentuk linguistik yang digunakan penulis dalam laporan tentang isu IMDB ini bukanlah bersifat sewenang-wenangnya sebaliknya didorong oleh suatu matlamat atau hajat. Pemilihan struktur ayat dan frasa yang digunakan dalam laporan berita tersebut, secara tidak langsung menggambarkan kecenderungan penulis dan akhbar tersebut terhadap isu dan tokoh yang terlibat dengan isu IMDB ini juga.

## **Rujukan**

Abdul Latiff Ahmad & Mala a/p Kumar. (2018). Pemaparan warga afrika di dalam Berita Harian. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 12(3), 1-11. Retrieved from <http://ejournal.ukm.my/ebangi/article/view/22503/7089>.

- Abdul Latiff Bakar. (1998). *Peranan media dalam Pilihan Raya Persekutuan*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Amirah Ahmad & Nor Hashimah Jalaluddin. (2013). Implikatur pembunuhan Norita: Analisis Teori Relevans. *Jurnal Bahasa*, 13(1), 20-38. Retrieved from <http://jurnal.dbp.my/index.php/jurnalbahasa/article/view/8141/3654>
- Azman Ibrahim. (2018, Mei 26). Akhbar Kumpulan Utusan terus catat edaran tertinggi. *Utusan Malaysia*. Retrieved from <https://www.utusan.com.my/berita/nasional/akhbarkumpulan-utusan-terus-catat-edaran-tertinggi-1.680084>.
- Blackmore, D. (2000). Indicators and procedures: Nevertheless and but. *Journal of Linguistics*, 36(3): 463-486.
- Blakemore, D. (2002). *Relevance and linguistic meaning. The semantics and pragmatics of discourse markers*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Chamil Wariya. (2008). *Penulisan berkesan media cetak, elektronik dan web*. Kuala Lumpur: Malaysia Press Institute.
- DeFleur, M. L. (1971). *Theories of Mass Communications* (2nd ed.). New York: David Mc Kay.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2017). Carian PRPM@DBP perkataan ‘manipulasi’. Retrieved from <http://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=manipulasi>.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2017). Carian PRPM@DBP perkataan ‘songsang’ Retrieved from <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=songsang>.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2017). Carian PRPM@DBP perkataan ‘tipu’. Retrieved from <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=tipu>.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2017). Carian PRPM@DBP perkataan ‘tuduhan’. Retrieved from <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=tuduhan>.
- Fowler, R. (1991). *Language in the News: Discourse and Ideology in the Press*. London: Routledge.
- Frey, L., Botan, C., & Kreps, G. (1999). *Investigating communication: An introduction to research methods*. Cambridge: Pearson.
- Hasmidar Hassan. (2011). *Kata Hubung “dan” dan “tetapi” dari sudut Pragmatik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2013). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Luqman Arif Abdul Karim. (2017, Ogos 4). *Laksana GST kerana IMDB tuduhan songsang – PM. Berita Harian* Retrieved from <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2017/08/308810/laksana-gst-kerana1mdb-tuduhan-songsang-pm>.
- Maslida Yusoff, Nor Hashimah Jalaluddin, Harishon Radzi & Karim Harun. (2021). Pelaporan isu kelapa sawit dalam tajuk akhbar dalam talian: Analisis pragmatik. *Jurnal Komunikasi*, 37 (1), 126-145. Retrieved from <https://ejournal.ukm.my/mjc/article/view/46508>. <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2021-3701-08>.
- Mohd Iskandar Ibrahim. (2016, Feb 2). Najib bukan individu disiasat Pejabat Peguam Negara Switzerland. *Berita Harian*. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/node/120417>.
- Mohd Zuwairi Mat Saad, Abdul Latiff Ahmad, Normah Mustaffa & Badrul Hassan. (2016a). Pemilihan dan Autoriti Sumber Berita Bingkai Pilihan Raya Malaysia. *Jurnal Komunikasi*. Jilid 32(1): 561-579. Retrieved from <http://ejournal.ukm.my/mjc/article/view/14898>.
- Mohd Zuwairi Mat Saad, Normah Mustaffa, Abdul Latiff & Badrul Redzuan. (2016b). Transfromasi corak penulisan berita dalam akhbar arus perdana Malaysia. *Journal of Social Scienes and Humanities*, 11(1), 300-316. Retrieved from <http://ejournal.ukm.my/ebangi/article/view/14513/4409>.
- Muhammad Raqib Mohd Sofian & Adnan Hussein. (2014). Analisis kualitatif pemingkaian akhbar *The Star* dan *Utusan Malaysia* mengenai kontroversi Majlis “*Thanksgiving*” di DXC. *Jurnal Komunikasi*, 30(1), 111-139. Retrieved from <http://ejournal.ukm.my/mjc/article/view/15010/7445>.
- Norliza Abas. (2018). Kebebasan Media: Akta sedia ada yang bertindih akan disemak. Dewan Bahasa dan Pustaka. Carian PRPM@DBP perkataan ‘tuduhan’. Retrieved from <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=tuduhan>.
- Utusan Online*. Retrieved from [www.utusan.com.my/berita/politik/kebebasan-media-akta-sedia-ada-yangbertindih-akan-disemak-1.677373](http://www.utusan.com.my/berita/politik/kebebasan-media-akta-sedia-ada-yangbertindih-akan-disemak-1.677373).
- Sarimah Ismail & Hamed Mohd Adnan. (2011). Profil Ruangan sukan dalam akhbar *Utusan Malaysia* dan *Berita Harian*. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 13(2): 7591.
- Shahrul Nazmi Sannusi & Ong, Y. M . (2016). Strategi pemilihan berita halaman hadapan akhbar berbahasa Melayu dan Cina: Kajian terhadap *Berita Harian* dan *China Press*. *Jurnal Melayu*, 15(1), 14-24. Retrieved from <http://ejournal.ukm.my/jmelayu/article/view/14134/4336>.
- Sharifah Nurul Huda Alkaff, McLellan, J. & Najib Noorashid. (2018). Analisis wacana kritis perbandingan bagi laporan berita terkini dalam dua akhbar Malaysia. *Rampak Serantau*, 25,1-51, Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Sperber, D. & Wilson, D. (1995). *Relevance Communications & Cognition (Second Edition)*. United Kingdom: Blackwell Publisher Ltd.
- Sperber, D. & Wilson, D. (2002). *Relevance Theory*. Retrieved from [http://www.phon.ucl.ac.uk/publication/WPL/02papers/wilson\\_sperber.pdf](http://www.phon.ucl.ac.uk/publication/WPL/02papers/wilson_sperber.pdf).
- Tannenbaum, A. (1992). *Early signs of giftedness: Research and commentary*. Retrieved from <https://journals.sagepub.com/doi/10.1177/016235329201500202>.
- Utusan Malaysia. (2017, Ogos 5). *Pakatan Harapan manipulasi GST untuk tipu rakyat, raih undi*. Retrieved from <http://www.utusan.com.my/berita/politik/pakatan-harapanmanipulasi-gst-untuk-tipu-rakyat-raih-undi-1.511346>.
- Vilashini Somiah, Azizah Hamzah, Mohd Yahya Mohamed Ariffin & Azliana Abdul Aziz. (2010). Liputan Berita tentang Indonesia di Malaysia: Analisis kandungan *Utusan Malaysia* dan *Berita Harian*. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 12 (2), 53-67. Retrieved from [https://umexpert.um.edu.my/file/publication/00001218\\_65489.pdf](https://umexpert.um.edu.my/file/publication/00001218_65489.pdf).
- Wilson, D. (2016). Reassessing the conceptual-procedural distinction. *Lingua*, 175-176: 5-19.
- Wilson, D. & Sperber, D. (2004). Relevance theory. In G. Ward & L. Horn (Eds.), *Handbook of pragmatics* (pp.607-632). Oxford: Blackwell.